



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/11/120 (HQ)

SIAPSIAGA EMPANGAN TNB BAGI HADAPI BANJIR

- Empangan hidro elak bencana lebih besar

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengadakan beberapa siri taklimat persediaan dan latihan kecemasan di stesen-stesen hidroelektrik dan pejabat operasinya bagi meningkatkan kecekapan dan siapsiaga semua pihak di musim tengkujuh.

"Persediaan ini dilakukan bersama pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi berkaitan bagi memastikan proses pelepasan air secara terkawal di beberapa empangan hidroelektrik berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP)," kata Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Menurutnya, selain menjana elektrik, empangan-empangan hidroelektrik milik TNB turut berfungsi sebagai tebatan banjir.

"Dengan kapasiti menampung air di hulu sungai, empangan-empangan tersebut dapat mengelakkan bencana lebih besar daripada berlaku di kawasan hiliran setiap kali musim tengkujuh tiba", jelas Ir. Aminuddin.

TNB katanya memberi jaminan kesemua empangan hidroelektrik milik syarikat utiliti nasional itu sedang beroperasi berada dalam keadaan baik dan selamat.

Empangan-empangan ini terletak di Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak.

Jika banjir besar berlaku, TNB akan mengaktifkan bilik-bilik gerakan di setiap negeri untuk memantau situasi.

"Pemasangan TNB seperti pencawang elektrik di beberapa kawasan yang terjejas dengan banjir akan sentiasa dipantau dan kami akan menutup bekalan elektrik sekiranya air mencecah paras bahaya," kata Ir. Aminuddin.

"Kami juga ingin menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan dan sentiasa berwaspada serta mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya premis mereka dinaiki air," tambahnya lagi.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 1-5454 atau facebook TNB Careline.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 Disember 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681)*

media@tnb.com.my